

07/06/1997

Saranan PM disokong

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pelbagai pihak, termasuk pembangkang dan aktivis masyarakat menyatakan sokongan penuh terhadap tindakan Perdana Menteri untuk membanteras amalan rasuah sepenuhnya di peringkat parti dan kerajaan.

Menurut mereka, tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu jelas menunjukkan keseriusan beliau untuk melindungi dan menjaga nama baik parti dan kerajaan daripada gejala kurang sihat itu.

Malah, pada masa yang sama, mereka juga rata-rata turut menyokong langkah kerajaan untuk meningkatkan hukuman sehingga 10 kali ganda bagi mereka yang terbabit dengan perbuatan itu.

Bagi mereka, sudah sampai masanya penalti lebih berat dikenakan kerana undang-undang sedia ada sudah lapuk dengan hukumannya tidak dapat memberi kesan kepada sesiapa yang melakukannya.

Di SEREMBAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, kerajaan negeri bersetuju dengan saranan Perdana Menteri dan sehubungan itu, akan melaksanakan program meningkatkan kesedaran mengenai keburukan amalan rasuah.

Di KUCHING, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, menyambut baik saranan Perdana Menteri yang tidak mahu kerajaan mempertahankan mana-mana pemimpin dan pegawainya yang terbabit dalam rasuah.

Menurutnya, di peringkat negeri itu sendiri kerajaan sudah lama mengamalkan ketegasan dalam memerangi gejala rasuah di semua peringkat.

Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR) negeri, Borhan Ujang, pula mengesahkan belum ada aduan membabitkan menteri, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) atau ahli politik di Sarawak yang terbabit dalam rasuah diterima oleh BPR setakat ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sidang video dari London berkata, beliau tidak mahu kerajaan mempertahankan mana-mana pemimpin dan pegawainya yang terbabit dalam rasuah kerana tindakan itu boleh menjejaskan kewibawaan parti dan kerajaan.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu usaha membanteras kegiatan rasuah di semua peringkat diteruskan bagi membuktikan parti dan kerajaan bersih.

Dalam hal berkaitan, Ketua Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Datuk Shafee Yahya, pula berkata hukuman baru terhadap kesalahan rasuah mungkin ditingkatkan sehingga 10 kali ganda, iaitu denda sehingga RM100,000 dan penjara 10 tahun jika cadangan pindaan Akta Pencegahan Rasuah 1991, diluluskan akhir tahun ini.

Shafee berkata, hukuman baru itu dicadangkan kerana denda RM10,000 yang diperkenalkan pada 1961 dianggap kecil mengikut nilai mata wang sekarang.

Di KOTA BHARU, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kelantan, Zaiyadi Awang Noh, berkata selain tindakan yang bakal diambil sebagai satu bentuk hukuman, proses mendidik rakyat juga harus dititikberatkan.

Menurutnya, seperti pernah diungkapkan ahli sosiologi, Prof Syed Hussein Alattas, gejala rasuah harus dipandang jijik seperti tanggapan orang ramai terhadap dadah.

"Pemuda Umno sendiri dalam masa yang sama harus menunjukkan teladan kepemimpinan yang baik dan tidak pula terjebak dalam kancah rasuah," katanya.

(END)